

0192

U 0866 BAH  
MAHATHIR - KERJASAMA

PULAU PINANG, 3 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) SUPAYA SEMTIASA BEKERJASAMA ANTARA SATU SAMA LAIN BAGI MENGEKALKAN KERAJAAN YANG KUAT.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBUAH KERAJAAN YANG KUAT PERLU BAGI MEMBOLEHKAN KERAJAAN BERANI MENGAMBIL TINDAKAN BAGI KEPENTINGAN RAKYAT MALAUPUN LANGKAH YANG DIAMBIL ITU TIDAK POPULAR KEPADA SESETEKSAH PIHAK.

MEMUTUT SETIAUSAHA POLITIK PERDANA MENTERI, ENCIK NOOR AZAM KEPADA PEMBERITA BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN 300 ANGGOTA DAN PEMIMPIN BN DI KOMTAR DI SINI HARI INI.

YANG TURUT HADIR PADA PERJUMPAAN ITU IALAH KETUA MENTERI, DR LIM CHONG EU DAN KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI YANG JUGA MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA +CAKAP-CAKAP+ SUPAYA JANGAN MENYOKONG BN BAGI MELEMAHKAN UMNO DAN KERAJAAN YANG DILEMPARKAN OLEH PIHAK TERTENTU SEMASA PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN PARLIMEN JOHOR BAHARU DULAM LEPAS ADALAH MERBAHAYA. --LAGI  
1918HST 03 09 88

0199

U 0868 BAH  
MAHATHIR - KERJASAMA 2 PULAU PINANG

KERAJAAN YANG LEMAH AKAN MEMBOLEHKAN PIHAK TERTENTU MENUNTUT SESUATU BAGI KEPENTINGAN DIRI MEREKA DAN +KERAJAAN AKAN MENJADI LEMAH BERTA TIDAK BERANI MELAKSANAKAN DASAR-DASAR BERFAEDAH KEPADA RAKYAT+, TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

+KERJASAMA YANG WUJUD SEKARANG MESTILAH DIPELIHARA DAN SETIAP ANGGOTA PARTI BN HENDAKLAH BERUSAHA MEMASTIKAN KERAJAAN SEKARANG TERUS KUAT+.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA +SISTEM BARU+ JANGAN DICUPA BAGI MENGUJI KEKUATAN KERAJAAN SEKARANG.

MEMURUT BELIAU MALAUPUN SISTEM YANG ADA SEKARANG BUKANLAH YANG TERBAGUS TETAPI IA ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA SISTEM LAIN BAGI SEBUAH NEGARA SEPERTI MALAYSIA YANG MEMPUNYAI PENDUDUK BERBILANG KAUM.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAKUI WUJUDNYA BERLAINAN PANDANGAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI TETAPI KERAJAAN DENGAN PEMIMPIN YANG KUAT TELAH BERJAYA MENGELAKKAN IA MENJADI PUNCA PERGADUHAN KAUM. --LAGI  
1929HST 03 09 88

0200

U 0869 BAH  
MAHATHIR - KERJASAMA 3 PULAU PINANG

KERJASAMA DARIPADA SEMUA KAUM DIPERLUKAN KERANA KERAJAAN AKAN MENJADI LEMAH JIKA HANYA SATU KAUM SAHAJA YANG KUAT MENYEBABKAN KAUM LAIN BERGANTUNG KEPADANYA.

SEBELUM ITU PADA PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN 300 PEMIMPIN DAN ANGGOTA UMNO DI TEMPAT YANG SAMA, MENURUT ENCIK MOHD NOOR AZAM, PRESIDEN UMNO ITU MENINGATI MEREKA SUPAYA BERUSAHA MEMASTIKAN DAN MENGEKALKAN PARTI ITU TERUS KUAT KERANA KEKUATAN UMNO ADALAH JUGA KEKUATAN KERAJAAN DAN BN.

KEKUATAN PARTI BUKAN SAHAJA BAGI UMNO TETAPI JUGA BAGI SEMUA BANGSA DI NEGARA INI, TEGAS PERDANA MENTERI.

BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JIKA BERKEHENDAKKAN PARTI YANG KUAT SEMUA ANGGOTA PARTI MESTILAH BEKERJA KERAS.

SEMANGAT BEKERJA KUAT BAGI MENGUKUHKAN PARTI HENDAKLAH DITERUSKAN DAN HINDARKAN DARIPADA PATAH SEMANGAT SELEPAS KALAH PADA PERTANDINGAN. --LAGI

1930MST 03 09 88

0201

U 0870 BAH  
MAHATHIR - KERJASAMA 4 PULAU PINANG

+YANG PENTING ADALAH MEMPERJUANGKAN PRINSIP PARTI DAN BANGSA, DAN BUKAN UNTUK DIRI SENDIRI, DAN PERJUANGAN SECARA BERPARTI ADALAH PENTING UNTUK MEMUJUDKAN PARTI YANG KUAT BUKAN PEMIMPIN YANG KUAT, + TEGAS BELIAU.

BELIAU MEMEGASKAN YANG PENTING IALAH UMNO YANG KUAT DAN BUKAN PEMIMPIN YANG KUAT DAN PARA ANGGOTA HARUS BERPEGANG KEPADA PRINSIP PARTI DAN BANGSA DAN BUKAN DIRI SENDIRI. --BERNAMA

1931MST 03 09 88